

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 1 tengah hari, Rabu 15 November 2023.



Untuk Terbitan Media
15 November 2023

SIARAN MEDIA

KONGRES SOCIAL SYNERGY 2023: INTEGRASI PANGKALAN DATA PENERIMA BANTUAN RENTAS AGENSI **ALERT: 250 PERWAKILAN KOMITED ATASI KECICIRAN PENERIMA BANTUAN**

KUALA LUMPUR: ‘Social Synergy Database’ akan menjadi hab terbaik bagi menangani isu keciciran penerima manfaat dan pertindihan penyaluran bantuan oleh agensi berkaitan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato’ Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata pangkalan data sinergi sosial ini di fasa awal penubuhan, dengan empat agensi dijangka bekerjasama menyalurkan maklumat penerima dari seluruh negara.

Beliau menzahirkan keyakinan bahawa integrasi maklumat antara pelbagai agensi ini berupaya merungkai kelompongan yang wujud dalam mekanisme penyaluran bantuan.

“Buat masa ini, PERKESO dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkongsi maklumat dalam pangkalan data ini bagi memastikan ‘no one is left behind’ di saat mereka memerlukan ihsan dari pihak berkaitan.

“Mengorak langkah seterusnya, pangkalan data ini akan membabitkan perkongsian maklumat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk daftar e-Kasih dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir merasmikan Kongres Social Synergy 2023, di sini, hari ini. Yang turut hadir, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, John Riba Marin.

Kongres dihadiri lebih 250 perwakilan daripada 35 agensi rakan sinergi dan 15 agensi pemerhati turut menyaksikan sebuah resolusi dirangka hasil pembentangan kertas cadangan daripada enam agensi di Malaysia, iaitu ICU; JKM; Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); Yayasan Taiwan Buddhist Tzu Chi Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Turut berlangsung pada majlis berkenaan adalah penyampaian sijil ‘Productivity Champion’ oleh MPC kepada 33 agensi di dalam Program Social Synergy.

Mengulas lanjut, Dr Mohammed Azman berkata, bagi tempoh Februari 2019 hingga Oktober 2023, sebanyak 24,035 penyaluran kepada agensi melalui Sistem MySynergy dilaksanakan, dengan 9,762 prospek menerima manfaat dan berjaya dibantu rakan-rakan agensi.

Daripada jumlah itu, katanya, pengukuran kadar kejayaan penerima manfaat menerusi sistem ini dalam tempoh seharian adalah 43 peratus, malah diyakini berupaya ditingkatkan dari semasa ke semasa.

“Saya percaya, *success rate* atau kadar kejayaan ini mampu ditingkatkan bersandarkan pertambahan jumlah rakan agensi yang bernaung dalam Sistem MySynergy,” katanya.

Tamat
###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
15 NOVEMBER 2023

**Untuk pertanyaan media, sila
hubungi:Mohd Wazid Zaidon
+6017-619 3181
wazid.zaidon@perkeso.gov.my**